

Politik wadah perjuangan merdekakan negara

Melaka: Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan politik sebenarnya banyak memberi manfaat, termasuk menjadi wadah perjuangan pemimpin terdahulu untuk memerdekakan negara daripada penjajah.

Tanpa politik, Perdana Menteri berkata, negara tidak akan mencapai kemerdekaan walaupun setengah pihak menganggap politik itu kotor.

“Yang salahnya bukan politik, tetapi perbuatan orang politik. Apabila mereka berkuasa, salah guna kuasa, curi duit, amalkan rasuah dan menekan orang lain,” katanya.

Beliau berkata demikian pada program ‘Townhall’ Semarak Merdeka Bersama Tun Dr Mahathir

Mohamad anjuran MARA dan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Majlis dihadiri kira-kira 2,000 jemputan di Banda Hilir, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Mohd Yusof; Menteri Besar Johor, Datuk Dr Sahruddin Jamal serta EXGO Perindustrian, Perdagangan dan Pelaburan Melaka, Datuk Mohd Rafiq Naizamohideen.

Dr Mahathir yang turut berdialog dengan hadirin program berkenaan, berkata generasi muda seharusnya mengenang dan menghargai pengorbanan pejuang terdahulu yang berjaya menggagalkan usaha British menubuhkan Malayan Union di Ta-

nah Melayu.

“Bantahan rakyat yang bersatu berjaya menggagalkan rancangan British, sebelum kesedaran politik menyatukan rakyat sehingga bangkit menuntut kemerdekaan pada 1957,” katanya.

Sementara itu, beliau berkata, perpecahan dalam politik menjadi punca orang Melayu dan umat Islam di negara ini lemah serta tidak bersatu padu walaupun berpegang kepada tafsiran Ahli Sunah Wal Jamaah (ASWJ) dan mengikut Mazhab Imam Syafie.

“Selama beratus-ratus tahun, fahaman Islam kita (di Malaysia) sama, iaitu ASWJ, tetapi apabila kita berpolitik, berlaku tuduhan bahawa ada orang itu Islam, orang ini bukan Islam dan sekarang ini

kita berpecah.

“Walaupun satu agama, satu fahaman, orang Melayu tetap berpecah sehingga menjadi perkara serius yang menyebabkan kita menjadi lemah sehingga pecah enam (parti politik Melayu).

“Tak ada lagi majoriti dari segi orang Melayu dalam politik,” katanya.

Beliau berkata, umat Islam di negara ini ketinggalan dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi.

Beliau berkata, jika tidak memperbetulkan diri dengan berpegang pada ajaran sebenar agama, mereka akan semakin jauh ketinggalan dan mungkin kehilangan negara kepada bukan Islam.

Mengenai lawatan rasmi beliau

ke Turki baru-baru ini, Perdana Menteri berkata, beliau cukup kagum dengan negara Islam berkenaan yang sudah maju dan mempunyai rakyat yang berkebolehan, rajin serta mahir dalam bidang tertentu.

“Pada pandangan saya, Turki sudah jadi negara maju, kebolehan orang Turki cukup tinggi, cekap dan boleh membina pesawat terbang, pesawat pejuang dan dron. Mereka juga mampu membangun sendiri rumah berpuh-puluh tingkat.

“Kalau kita tengok pembangunan di Turki, ia jauh lebih baik berbanding Malaysia. Semua itu dapat dicapai hasil kesungguhan rakyat Turki dalam melakukan sesuatu,” katanya.